



**INPENS RAIH PINGAT EMAS DI WSMB 2017**  
■ m/s 3, 4 & 5



**MENARIK DI DALAM!**

**ASIAN CULINARY CHALLENGE 2017**

**6**



INPENS yang diwakili Nik Hasnah binti Mahmod telah berjaya meraih Pingat Gangsa di dalam acara Apprentice Dress The Cake (Individual-Class 4) di Asian Culinary Challenge 2017 pada 28 November 2017.

**MAJLIS SAMBUTAN DEEPAVALI 2017**

**10**



Y.B. Tuan Ganabattirau telah menyempurnakan Majlis Sambutan Deepavali INPENS 2017 sekali gus menyampaikan surat tawaran kepada 152 orang pelajar yang berjaya memperolehi pembiayaan melalui Program Tajaan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor 2017.

**TRANSFORMASI INPENS 2017**

**12**



Pusat Sumber INPENS kini lebih segar dan lebih elegan. Semuanya demi menjayakan Misi Transformasi INPENS 2017!

# DARI KAMAR KETUA EKSEKUTIF

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Alhamdulillah, bersua kita kembali di ruangan ini bagi penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-9. Saya mengharapkan semua pembaca khususnya warga INPENS semakin memahami akan kepentingan bidang Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) ketika arus Industri 4.0 sedang melambung deras.

Stigma masyarakat terhadap TVET dengan pendapat-pendapat seperti bidang kemahiran hanya untuk mereka yang keciciran akademik dan peluang kerjaya yang tidak terjamin perlu dikikis segera. Ini kerana, menjelang 2020 Malaysia hanya mempunyai sekitar 25-30% tenaga mahir sedangkan sasaran awal mencecah sehingga 60%. Walhal, telah terbukti bidang kemahiran sebenarnya adalah bidang yang *universal* yang boleh diterokai semua golongan. Kerana stigma itu jugalah Malaysia semakin dibanjiri warga asing yang semakin ligat memonopoli pasaran kerja. Sedangkan, di negara-negara maju bidang TVET telah lama menjadi satu bidang keberutamaan.

Oleh itu, saya menyeru agar bidang kemahiran atau TVET ini dipandang sama pentingnya seperti aliran akademik. Telah terbukti juga, ramai graduan kemahiran INPENS kini bergelar usahawan kemahiran yang berjaya. Ada di antaranya sudah berjaya menjana pendapatan sehingga RM20,000 sebulan dengan hanya beroperasi di kawasan pinggir bandar.

Akhirnya, saya mengharapkan *millenials* yang berada di luar sana berani mengubah stigma ini dengan menceburi TVET dan seterusnya membuktikan kejayaan dalam karier masing-masing. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin INPENS Edisi ke-9 atas usaha memartabatkan TVET melalui penerbitannya. InsyaAllah, kejayaan adalah milik orang-orang yang berusaha.

“Cemerlang Bersama INPENS”

**Y.Bhg. Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman**  
Ketua Eksekutif INPENS



## TINTA KETUA EDITOR

Assalamu'alaikum W.B.T. dan Salam Transformasi...

Syukur, Alhamdulillah. Buat kesekian kalinya, bersua kita kembali di dalam penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-9. Semoga semua pembaca dalam keadaan sihat wal'afiat dan diberkati selalu hendak-Nya.

Edisi kali ini meneruskan tema transformasi bagi membuktikan INPENS sememangnya komited di dalam membudayakan TVET di Malaysia. Hampir 7 tahun berkhidmat di INPENS, saya mendapati atmosfera INPENS mengalami perubahan yang sangat drastik. Transformasi ini jelas kelihatan dari segi fizikal dan mental para warganya. InsyaAllah, Buletin INPENS edisi seterusnya akan memaparkan fasa-fasa transformasi ini secara keseluruhannya.

Melalui penerbitan kali ini, dipaparkan kejayaan 2 orang pelajar INPENS iaitu Azni Syafika dan Nik Hasnah yang telah mengharumkan nama INPENS di dalam pertandingan kemahiran yang mereka sertai. Edisi transformasi kali ini memaparkan Pusat Sumber INPENS yang kini tampak lebih menarik. Selain itu, Majlis Sambutan Deepavali INPENS yang meriah dan Program Baktisiswa IPT Selangor dikongsikan untuk tatapan pembaca.

Sekian, salam transformasi!

**Nur'Adnin Syamil Halik Bassah** | Ketua Editor

## SIDANG REDAKSI

- **Penaung**  
Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman
- **Penasihat**  
Encik Jefri bin Mejan
- **Ketua Editor**  
Nur'Adnin Syamil binti Halik Bassah
- **Penolong Editor**  
Siti Noor Hani binti Mohd Fatoni
- **Pereka Grafik**  
Ahmad Zulkhidzrie bin Mohamad Zuki

- **Wartawan**  
Solihah binti Yaakob  
Zawiah binti Abdullah  
Siti Rahimah binti Mohamad Noor  
Mohd Nor Izzuddin bin Rahudin  
Muhammad Najmi Amaruddin bin Abdul Ghani
- **Jurugambar**  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
- **Pembantu Redaksi**  
Jabatan Latihan Kemahiran & Hubungan Industri  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Bahagian Sumber Manusia  
Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS

Sidang redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-9 ini. Kami mengalu-alukan sumbangan artikel/rencana/berita semasa yang berkaitan dengan pendidikan, sahsiah dan aktiviti kemasyarakatan daripada warga INPENS. Kirimkan tulisan anda kepada:

**KETUA EDITOR BULETIN INPENS**  
INPENS International College,  
Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-3281 2617 / 19 / 21  
Faks : 03-3281 2625  
Email : syamil@inpens.edu.my



# PINGAT EMAS WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA 2017 MILIK AZNI SYAFIKA!

**16 November 2017** - INPENS ternyata unggul di dalam kelasnya yang tersendiri apabila berjaya menggondol pingat emas di Worldskills Malaysia Belia (WSMB 2017) dalam bidang Teknologi Fesyen. Pingat emas milik INPENS tersebut dirangkul melalui wakilnya iaitu Azni Syafika binti Alizar. Azni turut menerima hadiah wang tunai RM5,000 sebagai ganjaran kemenangan.

WSMB merupakan arena pertandingan untuk pelajar-pelajar kemahiran menunjukkan bakat masing-masing di dalam pelbagai bidang kemahiran. Pertandingan ini mempertandingkan sebanyak 22 bidang kemahiran yang disertai ratusan pelajar institusi kemahiran milik kerajaan dan swasta di seluruh Malaysia.

INPENS pada tahun ini megah melangkah ke pentas akhir WSMB 2017 dengan menghantar dua orang peserta dalam bidang Teknologi Fesyen iaitu Azni Syafika Alizar dan Kashtoori a/p Thomas. Ketua Sektor Tekstil & Pakaian INPENS, Zalina Rahmat berkata, usaha peserta yang tidak mengenal masa dan keringat berbaloi dengan kejayaan menggondol pingat emas tersebut.

Zalina juga berkata, beliau dan barisan tenaga pengajar yang terlibat akan terus melatih Azni sebagai persediaan

untuk menyertai Worldskills ASEAN 2018 yang akan diadakan di Bangkok, Thailand pada Ogos 2018. Menurut beliau lagi, INPENS juga sudah bersiap sedia melatih barisan pelapis dalam bidang jahitan untuk memasuki pertandingan sama pada tahun hadapan.

Sementara itu, Ahmad Zabri Mohd Yaman yang juga Ketua Eksekutif INPENS berkata, penyertaan dua wakil INPENS dalam bidang Teknologi Fesyen di WSMB 2017 membuktikan graduan INPENS berkemahiran dan mempunyai daya kompetitif yang tinggi. Tahun hadapan juga, WSMB bakal menyaksikan INPENS akan menghantar lebih ramai wakil untuk bidang-bidang kemahiran yang lainnya seperti elektrik, automotif dan penyaman udara.

Kemenangan tahun ini juga sebenarnya adalah pencetus motivasi kepada pelajar INPENS yang lain untuk menyahut cabaran mengangkat prestij dunia kemahiran. Ahmad Zabri turut berkata, kejayaan ini menunjukkan INPENS komited memperkasakan TVET di Selangor dalam usaha menjayakan agenda SmartSelangor seperti yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor ketika Belanjawan Negeri Selangor Oktober lalu.





# PROFIL AZNI

- Nama Penuh :** AZNI SYAFIKA BINTI ALIZAR  
**Tarikh Lahir :** 5 FEBRUARI 1997  
**Asal :** FELDA SOEHARTO, HULU SELANGOR  
**Nama Bapa :** ALIZAR BINTI ISMAIL  
**Nama Ibu :** NORLIDAH BINTI KADRI  
**Adik-beradik :** ANAK KE 4 DARIPADA 6 ORANG ADIK-BERADIK & TURUT MEMPUNYAI SEORANG KEMBAR SEIRAS IAITU AZNI SYAFINA

WAWANCARA

**K**ejayaan Azni Syafika merangkul Pingat Emas di Pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB) 2017 sememangnya sangat membanggakan. Baru-baru ini beliau telah dinobatkan sebagai Ikon Rekaan Fesyen di Kuala Lumpur Fashion Designers Showcase yang diadakan di Matic, Kuala Lumpur. Siri kejayaan ini juga bakal mencetuskan motivasi kepada pelajar lain untuk sama-sama meraih kejayaan di dalam bidang kemahiran.

Ikuti wawancara khas bersama Azni Syafika mengenai pengalaman, hasrat dan impian setelah kejayaan yang diperolehi beliau.

**Apakah perasaan anda ketika memenangi Pingat Emas di WSMB baru-baru ini?**

Sudah tentu saya merasa sangat gembira dan bersyukur apatah lagi kejayaan ini di luar jangkaan saya. Saya juga sebenarnya merasa bertanggungjawab mengharumkan nama INPENS apabila diumumkan sebagai peserta yang terpilih mewakili INPENS.

**Boleh kongsi pengalaman anda ketika menyertai WSMB?**

Ketika di peringkat kelayakan yang diadakan di Pulau Pinang, saya menghadapi masalah dengan seterika dan saya perlu mengejar masa ketika proses menjahit. Masa yang diberikan juga hanya 4 jam untuk menyiapkan modul yang diberi. Ketika itu, saya hanya mendapat tempat ke-3 di kalangan 40 orang peserta bertanding. Saya tidak patah semangat, sebaliknya saya menyahut cabaran tersebut untuk mempamerkan yang terbaik ketika di peringkat akhir. Usaha saya berbaloi apabila diumumkan sebagai pemenang pingat emas bagi kategori yang saya sertai.

**Bagaimanakah kejayaan anda di WSMB mengubah kehidupan anda pada hari ini?**

Saya mendapati diri saya lebih berdisiplin selepas pertandingan tersebut. Saya juga lebih menepati masa terutamanya di dalam menyiapkan rekaan baju dalam masa yang ditetapkan. Saya juga mendapat sokongan yang padu daripada keluarga dan rakan-rakan untuk meneruskan perjuangan saya. Rakan seperjuangan saya, Kashtoori juga selalu memberikan kata semangat untuk saya lebih berjaya.

**Siapakah yang membantu kejayaan anda pada hari ini?**

Sudah semestinya barisan tenaga pengajar di INPENS khususnya guru pembimbing saya iaitu Puan Zalina dan Puan Syartisa. INPENS sendiri telah banyak memberikan peluang kepada saya untuk mengikuti pelbagai latihan bagi meningkatkan kemahiran saya. Tidak dilupakan doa dan restu seluruh keluarga saya selama ini. Rakan-rakan kelas saya juga banyak membantu terutamanya dalam berkongsi maklumat yang menarik berkaitan fesyen terkini. Penghargaan juga saya zahirkan kepada Lembaga Zakat Selangor yang telah membiayai pengajian saya dan adik saya di INPENS.

**Boleh kongsi perancangan masa depan anda?**

Saya berhasrat menyambung pengajian ke tahap 4 di samping terus berlatih sebagai persiapan menyertai ASEAN Worldskill di Bangkok yang akan diadakan pada tahun hadapan. Selepas itu, saya bersama-sama dengan saudara kembar saya, Syafina berhasrat membuka sebuah butik perkahwinan yang menyediakan busana pengantin tradisional dan moden.

**Apakah nasihat atau kata-kata perangsang yang anda ingin sampaikan kepada rakan-rakan graduan kemahiran yang lain?**

Saya menganggap mereka yang memilih bidang kemahiran merupakan mereka yang berani lari dari kebiasaan. Oleh itu, gunakanlah elemen 'luar biasa' ini untuk menyerlah jauh memandangkan bidang kemahiran merupakan bidang yang sangat terjamin pendapatannya. Rajinlah berusaha dan sahutlah apa jua cabaran yang diberikan. Terima kasih INPENS! Terima kasih semua!



Azni Syafika (kiri) bersama kembar seiras beliau, Azni Syafina



# NIK HASNAH WAKILI INPENS DI ASIAN CULINARY CHALLENGE 2017



**I**NPENS International College terus tuntas dalam memartabatkan Pendidikan Teknikal dan Kemahiran Vokasional (TVET) dengan menyertai lebih banyak pertandingan kemahiran berskala antarabangsa. Terbaharu, INPENS yang diwakili Nik Hasnah binti Mahmod telah berjaya meraih Pingat Gangsa di Asian Culinary Challenge 2017 (ACC) pada 28 November 2017.

Beliau yang merupakan pelajar dari jurusan Pembuatan Pastru di INPENS telah menahut cabaran untuk bersaing di dalam acara Apprentice Dress The Cake (Individual-Class 4). ACC 2017 yang diadakan di Kuantan, Pahang berlangsung mulai semalam hingga 30 November ini turut mempertandingkan 24 acara lain dengan penyertaan seramai 281 pelajar kulinari dan pastru dari seluruh Malaysia dan Asia Tenggara.



Chef Nur Waheeda yang juga Ketua Sektor Kulinari & Pastru INPENS berkata pertandingan ini merupakan platform terbaik untuk Nik Hasnah mempamerkan potensi dan kemahiran beliau.

“Pertandingan ini juga dibarisi chef-chef tersohor dalam dan luar negara sebagai para juri. Malahan ACC 2017 turut menjemput KDYTM Tengku Puan Pahang, Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah sebagai juri DiRaja.”

“Antara barisan juri lain yang ternama adalah Chef Jamnong Nirungsun dari Thailand, Chef Michieletto Federico dari Itali dan dua chef selebriti tempatan iaitu Chef Sabri Hassan dan Chef Zubir Zain. ACC 2017 juga telah melantik Chef Jochen Kern dari Jerman sebagai Ketua Juri”

“Oleh itu, pelajar yang bertanding bukan sahaja mendapat pengalaman yang berharga malahan boleh mencedok ilmu melalui nasihat-nasihat yang diberikan para juri”. Ujar beliau lagi.

Sementara itu, Ketua Eksekutif INPENS, Ahmad Zabri Mohd Yaman berkata INPENS telah mula memperkenalkan Kursus Pembuatan Makanan (kulinari) dan Pembuatan Pastru sejak 2016 kerana permintaan yang tinggi terhadap graduan kursus ini sama ada di industri-industri pembuatan makanan halal, restoran dan perhotelan.



# INPENS CEMERLANG DI KLEFDS 2017

**S**eramai 35 orang pelajar dari Sektor Tekstil & Pakaian dan Sektor Rekaan Rambut & Kecantikan INPENS telah terlibat dalam menjayakan Kuala Lumpur Emerging Fashion Designers Showcase 2017 (KLEFDS) yang diadakan di Matic Kuala Lumpur pada 25 November 2017 yang lalu.

INPENS bukan sahaja terlibat dalam menyediakan busana untuk pertunjukan fesyen tersebut malahan tatarias wajah dan rambut barisan model turut dilakukan sendiri oleh pelajar-pelajar dari kedua-dua sektor tersebut.

Sementara itu, Ahmad Zabri Mohd Yaman yang juga Ketua Eksekutif INPENS berkata, penyertaan INPENS di dalam pertunjukan sebegini membolehkan para pelajar memahami realiti sebenar alam pekerjaan.

Beliau turut berkata pelajar-pelajar telah dilatih untuk memenuhi kehendak penganjur dan mereka juga perlu mempelajari kaedah pengurusan masa serta menangani tekanan demi menjayakan pertunjukan ini. Sekali gus, pelajar yang terlibat bukan sahaja dapat mengasah bakat kemahiran mereka tetapi turut memahami serba sedikit berkaitan bidang pekerjaan yang bakal mereka lalui.

Tambah menggembirakan apabila Azni Syafika Alizar dari Sektor Tekstil & Pakaian telah terpilih sebagai Ikon Pelajar di dalam Kategori Pereka Fesyen dan Nur Azmina Haziqah Rasudin dari Sektor Rekaan Rambut & Kecantikan memenangi tempat ke-2 dalam kategori *Make-up Artist* di KLEFDS 2017.



ATAS - Azni Syafika Alizar dari Sektor Tekstil & Pakaian telah terpilih sebagai Ikon Pelajar di dalam Kategori Pereka Fesyen

BAWAH - Nur Azmina Haziqah Rasudin dari Sektor Rekaan Rambut & Kecantikan memenangi tempat ke-2 dalam kategori *Make-up Artist*



# PROGRAM BAKTI SISWA

## PROGRAM BAKTI SISWA DAERAH KUALA SELANGOR

**Tarikh :** 24-26 November 2017

**Lokasi :** Blok C, O dan J Sawah Sempadan, Tanjung Karang



## AKTIVITI DIJALANKAN

- Program Anak Angkat
- Bicara Santai Bersama Selebriti

- Sukan Rakyat
- Pemeriksaan Kesihatan
- Bakti Siswa Bersama Masyarakat Setempat



# IPT SELANGOR 2017



## PROGRAM BAKTI SISWA DAERAH SABAK BERNAM

**Tarikh** : 15-17 Disember 2017

**Lokasi** : Parit Baru, Sungai Ayer Tawar



- Servis Motosikal Percuma
- Rawatan Wajah Percuma

- Gunting Rambut Percuma
- Kaunter Pendaftaran Ipt Selangor



# SAMBUTAN DEEPAVALI PENUH WARNA-WARNI

INPENS telah menganjurkan sambutan Deepavali yang meriah dan penuh warna-warni pada 31 Oktober lalu. Majlis tersebut telah disempurnakan Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, Y.B. Tuan Ganabatirau a/l Veraman.

Selain disajikan juadah yang bertemakan deepavali seperti roti canai, putu mayam dan maruku, tetamu dan pelajar yang hadir turut dihiburkan dengan persembahan tarian tradisional kaum India yang turut diiringi paluan gendang. Majlis yang diadakan di Hangar INPENS tersebut turut diserikan dengan perhiasan ala deepavali seperti pokok pisang dan kollam.

Pada majlis sama, Y.B. Tuan Ganabatirau turut menyampaikan surat tawaran Program Tajaan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor kepada seramai 152 pelajar sesi April, Julai dan Oktober 2017. Hadir sama, Ketua Eksekutif INPENS, Tuan Ahmad Zabri Mohd Yaman dan Penolong Pengarah Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Selangor, Cik Siti Sarah Abu Samah.

Di dalam ucapannya, Y.B. Tuan Ganabatirau berkata kesemua pelajar yang terlibat menerima pembiayaan penuh oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM927,000. Menurut beliau lagi, ia merupakan sebahagian daripada RM5 juta khusus bagi menaja anak Selangor mengikuti Latihan Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) di INPENS yang merangkumi yuran pengajian, penginapan asrama, makanan dan elaun sara diri.

Terdahulu, Kerajaan Negeri turut menaja 311 pelajar bagi kemasukan sesi Januari 2017, menjadikan jumlah keseluruhan pelajar tajaan seramai 463 dengan peruntukan hampir RM5 juta.

“Ini adalah komitmen Kerajaan Negeri untuk memperkasa anak Selangor dengan ilmu dan kemahiran bagi menghadapi gelombang Revolusi Industri 4.0,” ujar beliau lagi.



# SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1439H



**S**eramai 400 kakitangan serta pelajar INPENS telah menyertai perarakan bersempena Sambutan Maulidur Rasul 1439H yang telah disambut pada 1 Disember lalu.

Encik Rusman Hussin yang juga Eksekutif Hal Ehwal Pelajar berkata, perarakan itu bermula jam 8.30 pagi dengan lapan penyertaan kontinjen terdiri daripada Sektor Teknologi Automotif, Sektor Kejuruteraan Elektrik, Sektor Teknologi Penyamanan Udara, Sektor Teknologi Motosikal, Sektor Teknologi Maklumat & Sektor Teknologi Elektronik, Sektor Rekaan Rambut & Kecantikan, Sektor Tekstil & Pakaian dan Sektor Kulineri & Pastrri.

“Perarakan bermula dari Auditorium INPENS hingga ke Surau As-Salam”.

“Pada masa sama, satu forum khas turut diadakan dengan tajuk Akhlak Rasulullah yang menjemput Ustaz Rusli Ibrahim dan Ustaz Yusri Karim sebagai panel forum” ujar beliau lagi.

Turut diadakan majlis penyampaian hadiah bagi kategori Sepanduk Tercantik dan Perbarisan Terbaik sempena program perarakan Maulidur Rasul tersebut.

Bagi kategori Sepanduk Tercantik dimenangi oleh Sektor Teknologi Maklumat & Sektor Teknologi Elektronik.

Manakala bagi kategori Perbarisan pula dimenangi oleh Sektor Tekstil & Pakaian sebagai johan manakala Sektor Rekaan Rambut & Kecantikan di tempat kedua. Sektor Teknologi Maklumat & Sektor Teknologi Elektronik pula merangkul tempat ketiga.



# PUSAT SUMBER INPENS KINI LEBH MENARIK!

Sebagai alternatif kepada kemudahan riadah lain seperti gelanggang futsal, gelanggang sepak takraw, gelanggang badminton, padang bola sepak dan padang memanah, INPENS kini turut menaik taraf Pusat Sumber bagi kegunaan pelajar dan seluruh warganya.

Selain buku-buku rujukan terkini, perkhidmatan seperti komputer, internet, kemudahan mencetak turut disediakan. Selain itu, satu sudut santai turut disediakan untuk pelajar-pelajar bermain congkak, catur, Sahibba dan Saidina.

Pusat Sumber INPENS dibuka pada setiap hari bekerja (Isnin-Jumaat) bermula jam 8.30 pagi - 5.30 petang.



SAMBUTAN  
HARI LAHIR  
KAKITANGAN



*Happy*  
**BIRTHDAY**

*to you!*



*September*



*Oktober*



*November*

# MAJLIS PERSARAAN PAK YA



**S**atu majlis khas telah diadakan sempena dengan persaraan Encik Zakaria bin Abdullah pada September lalu. Beliau yang telah mula berkhidmat sejak INPENS ditubuhkan pada 1993 mengambil keputusan untuk bersara setelah 24 tahun berkhidmat.

Berasal dari Negeri Sembilan, Encik Zakaria bin Abdullah atau lebih mesra disapa dengan panggilan 'Pak Ya' dikenali sebagai seorang yang lucu dan mesra. Beliau telah berkhidmat di beberapa jabatan sebelum mengakhiri jawatan beliau di INPENS sebagai Pegawai Pusat Sumber.

Walaupun tiada lagi kelibat Pak Ya di INPENS, gelak tawa dan jenaka beliau pasti dirindukan semua. Selamat bersara diucapkan kepada Pak Ya dan semoga bertemu lagi.





# TRANSFORMASI INPENS 2017 APA PENDAPAT ANDA?



## **Noridah binti Ismail**

Eksekutif  
Bahagian Sumber Manusia



Pada pendapat saya, transformasi di INPENS merupakan proses mengubah keadaan atau situasi demi memastikan keberkesanan dalam proses kerja, prasarana dan struktur organisasi. Saya yakin dan percaya, setiap proses yang dilaksanakan akan menyumbang kepada kemajuan dan menjadi pendorong kepada warga kerja INPENS untuk lebih bermotivasi sekali gus dapat meningkatkan produktiviti demi mencapai misi dan visi INPENS."



1



## **Mohd Harizal bin Ab Ghani**

Ketua Sektor  
Teknologi Penyamanan Udara



Pada hemat saya, tranfomasi 2017 telah memberi banyak kesan yang positif terhadap banyak perkara terutama sekali berkenaan dengan pembelajaran dan pengajaran. Transformasi yang dilaksanakan telah mewujudkan suasana dan ruang untuk belajar yang sangat selesa kerana semua kelas pembelajaran teori telah dilengkapi dengan alat bantuan mengajar seperti projektor, penyaman udara dan sambungan internet bagi memudahkan pelajar mengakses internet untuk pembelajaran."



2



## **Zulkifli bin Hassan**

Tenaga Pengajar  
Sektor Kejuruteraan Elektrik



Saya dapat melihat INPENS telah banyak membuat perubahan secara fizikal sekali gus memperlihatkan kesungguhan pihak pengurusan dan kakitangan dalam memartabatkan bidang kemahiran ke peringkat yang lebih tinggi. Contohnya kemudahan-kemudahan fasiliti dinaik taraf bersesuaian dengan teknologi terkini. Ini sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor dalam memperkasakan program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) agar dapat membekalkan tenaga mahir tempatan kepada banyak industri."



3



## **Norazrin binti Mohd Noor**

Pegawai Pentadbiran  
Pejabat Ketua Eksekutif



Saya berpendapat sesebuah proses transformasi merupakan perubahan sedia ada kepada satu dimensi yang lain. Transformasi di INPENS dilihat mampu meningkatkan daya upaya organisasi yang akan memberi impak dalam melahirkan modal insan berkemahiran yang menepati kehendak industri. Saya juga percaya transformasi yang rancak dilaksanakan sekarang akan meningkatkan kualiti dan pencapaian INPENS pada masa akan datang."



4



# INFO ALUMNI

## NURAZLIN BINTI NOOR AZIZAN

**KURSUS** : JURUTERAPI ESTETIK (TAHAP 1 & 2)

**SEKTOR** : KECANTIKAN

**TAHUN** : 2012 - 2013

**KERJAYA** : PENGASAS KOSMETIK ZEDAZ24

**PENDAPATAN** : RM4,000.00 – RM7,000.00 SEBULAN

**INPENS** : *Kenapakah anda memilih INPENS?*

**Nurazlin** : Saya memilih INPENS kerana ia merupakan sebuah institut kemahiran yang terbaik di Malaysia. Bukan sahaja yuran pengajian yang berpatutan malahan peluang mendapatkan pembiayaan terbuka luas kepada mereka yang layak. Setiap pelajar juga akan mendapat elaun bulanan untuk sara hidup, kemudahan asrama dalam kampus juga disediakan. Selain kualiti pengajaran yang cemerlang dan lokasi yang strategik menjadi penyebab utama saya memilih INPENS.

**INPENS** : *Boleh ceritakan pengalaman anda semasa berada di INPENS?*

**Nurazlin** : Peluang melanjutkan pengajian di INPENS merupakan saat yang menyeronokkan di dalam hidup saya. Saya turut menyertai pelbagai aktiviti di luar kolej untuk menimba lebih banyak pengalaman selain mendapatkan sijil penyertaan sebagai bukti komitmen. Saya juga merasa terharu apabila dipilih sebagai pelajar terbaik sektor pada tahun 2012 dan 2013. Tenaga pengajar tidak pernah lelah memberikan sokongan untuk lebih berjaya di samping rakan-rakan yang sentiasa bersikap mesra dan suka membantu.

**INPENS** : *Apakah pendapat anda berkaitan peluang kerjaya di dalam bidang kecantikan?*

**Nurazlin** : Peluang kerjaya dalam bidang kecantikan ini sangat cerah dan tinggi tetapi graduan kemahiran harus berani dan yakin pada diri untuk mencuba sesuatu yang berbeza. Permintaan di spa dan salun kecantikan bagi graduan kecantikan sangat tinggi. Peluang menjadi pengasas produk kosmetik atau usahawan salun kecantikan juga terbuka luas apatah lagi dengan kaedah pemasaran yang semakin canggih pada hari ini. Peluang untuk maju dan berjaya ternyata sangat mudah untuk diraih.

**INPENS** : *Bagaimanakah kerjaya anda sekarang?*

**Nurazlin** : Saya baharu sahaja melancarkan produk kecantikan di bawah jenama saya sendiri iaitu Luxury Coffee Scrub by Zedaz24. Permintaannya sangat tinggi memandangkan kopi sangat baik untuk kulit yang sihat dan halus. Saya kini turut membimbing puluhan ejen bagi menjana pendapatan terutamanya suri rumah dan pelajar IPT.

**INPENS** : *Apakah nasihat anda kepada pelajar yang masih menuntut di INPENS?*

**Nurazlin** : Belajarlah bersungguh-sungguh demi masa depan yang cerah. Sertailah setiap program yang dianjurkan pihak kolej dan hargailah masa ketika bergelar sebagai seorang pelajar. Melalui ilmu kemahiran yang diperolehi, kita boleh menyerlah dan berjaya lebih jauh jika bersikap kreatif dan inovatif. Jika memilih untuk bergelar usahawan kemahiran, kita bukan sahaja boleh menentukan hala tuju perniagaan mengikut acuan sendiri tetapi kita juga sebenarnya telah membuka peluang menjana pendapatan kepada orang lain.